

(c) Bilangan kredit yang boleh diluluskan untuk Pengecualian Kredit hendaklah tidak melebihi satu pertiga (1/3) daripada jumlah kredit bagi sesuatu program pengajian;

4.3.3 Pengiraan PMG/PMGT tidak akan mengambil kira Pengecualian Kredit yang diperoleh.

4.3.4 Pelajar boleh memohon pengecualian kredit sekali sahaja iaitu semasa pendaftaran semester pertama pengajian. Borang permohonan perlu diserahkan kepada Pengarah bersama-sama dengan dokumen yang berikut :

- (a) salinan transkrip akademik yang lengkap dan disahkan; dan
- (b) salinan sukatan kursus berkenaan yang disahkan.

4.3.5 Senat mempunyai kuasa untuk meluluskan permohonan pengecualian kredit dan keputusan tersebut hendaklah maklumkan melalui IPG.

4.3.6 Jumlah keseluruhan pemindahan kredit dan pengecualian kredit tidak melebihi satu pertiga (1/3) daripada jumlah kredit bagi sesuatu program pengajian.

4.4 SYARAT LULUS KURSUS

Seseorang calon dianggap lulus sesuatu kursus sekiranya :

4.4.1 Mendapat markah minimum 50% (gred C) hasil gabungan semua tugasan bagi kursus yang dinilai secara kerja kursus sahaja.

4.4.2 Mendapat markah minimum 50% (gred C) hasil gabungan kerja kursus dan peperiksaan bagi kursus yang dinilai secara kerja kursus dan peperiksaan.

4.5 SYARAT MENERUSKAN PENGAJIAN

Seseorang pelajar dibenarkan meneruskan pengajian pada sesuatu semester atau peringkat pengajian, jika memenuhi semua syarat berikut :

4.5.1 Lulus semua kursus yang telah didaftarkan sama ada dalam peperiksaan asal atau ulangan atau khas dengan mendapat sekurangnya Nilai Mata Gred 2.00;

4.5.2 Mencapai purata mata gred asal yakni sebelum peperiksaan ulangan tidak kurang daripada Nilai Mata Gred 2.00; dan

4.5.3 Calon yang memenuhi syarat 4.5.2 tetapi belum menduduki peperiksaan ulangan atau peperiksaan khas atau sedang menunggu keputusan peperiksaan yang berkaitan dibenarkan meneruskan pengajian ke semester seterusnya dalam program yang sama secara kenaikan bersyarat.

4.5.4 Calon yang gagal peperiksaan ulangan kedua tidak dibenarkan meneruskan pengajian.

4.6 SYARAT LULUS PROGRAM PENGAJIAN

Seseorang pelajar lulus penilaian bagi pengajiannya, jika memenuhi semua syarat berikut :

4.6.1 Lulus semua kursus yang ditetapkan mengikut struktur program yang disyaratkan;

4.6.2 Mencapai Purata Mata Gred Terkumpul tidak kurang daripada 2.00;